

1 KILOMETER

jarak rumah Maizum Embong dari Pantai Tanjung Gelam kira-kira 64 tahun dahulu

100 METER

jarak terkini di antara rumah dengan pantai akibat hakisan yang berlaku



Hakisan pantai semakin teruk melanda di Kampung Kolam, Kuala Nerus.

Penduduk Pantai Tanjung Gelam diancam hakisan teruk



Longgokan batu disediakan pihak berwajib tidak mampu menahan pukulan ombak daripada membadai rumah penduduk.

➔ Penghuni 10 rumah minta kerajaan negeri atasi segera masalah dihadapi

Oleh Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Nerus

Penghuni kira-kira 10 rumah di sekitar Pantai Tanjung Gelam di sini, bertarung nyawa kerana diancam bahaya berikutan masalah hakisan yang semakin kritikal.

Masalah itu bukan asing lagi bagi mereka, malah menjadi semakin teruk sejak beberapa

hari lalu berikutan ombak besar hingga ada rumah yang sudah mengalami kerosakan.

Penduduk, Maizum Embong, 64, yang juga orang kurang upaya (OKU), berkata hidupnya dalam kebimbangan, malah terpaksa menanggung kerugian lebih RM20,000 akibat hakisan itu.

Harta benda musnah

Beliau yang menghidap penyakit saraf, berkata sejak dilanda musibah itu pada akhir tahun lalu, banyak harta benda termasuk pagar rumahnya hilang dibadai ombak.

Malah, tingkap rumahnya turut mengalami kerosakan.

“Saya tinggal di kampung ini sejak dilahirkan, di mana jarak rumah dari pantai lebih satu kilometer. Tetapi, hari ini, jaraknya tidak sampai 100 meter akibat hakisan pantai yang menakutkan kami empat beranak.

“Saya kerugian kira-kira

RM20,000 membabitkan kerosakan harta benda dan terpaksa mengeluarkan simpanan RM10,000 untuk menyewa jentolak bagi menambun pasir kerana longgokan batu disediakan pihak berwajib musnah dipukul ombak,” katanya.

Maizum berkata, seorang anaknya terpaksa berpindah kerana bimbang untuk terus tinggal di sini.

“Akhir tahun lalu, saya terpaksa berpindah sementara ke rumah anak di Gong Badak. Saya tidak tahu bila masalah ini dapat diselesaikan kerana walaupun longgokan batu dibuat sebagai benteng, ia tidak mampu menahan air laut daripada membadai rumah setiap kali ombak kuat,” katanya.

Seorang lagi penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Hasnah, berkata mereka sekeluarga sayang dengan rumah yang dibina hasil titik peluh sendiri dan didiami sejak lebih

30 tahun lalu, namun tidak teragak-agak untuk berpindah demi keselamatan keluarga.

“Setiap malam kami tidak lena tidur kerana ombak kuat bila-bila masa boleh membadai. Sehingga kini usaha dibuat kerajaan negeri untuk mengatasi masalah hakisan ini tidak berkesan,” katanya.

UMT sedia penempatan sementara

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, berkata pihaknya mengambil inisiatif menyediakan penempatan sementara untuk penduduk sekitar Pantai Mengabang Telipot dan Pantai Tanjung Gelam yang terjejas akibat hakisan.

“Kami membantu mereka dengan menyediakan bilik bencana dan bilik gerakan yang mampu menampung sehingga 70 orang pada satu-satu masa,” katanya.